



TERBAIK.... Norazah (kanan) dinobatkan sebagai pembentang terbaik di 2nd Recent Research in Business and Technology Management International Conference (BIZTEM 2018).

Norazah Mohd Suki harumkan nama UMS

NST 3.2.2018 5

LABUAN : Profesor Madya Dr. Hajah Norazah Mohd Suki dari Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (UMSKAL) mengharumkan nama Universiti Malaysia Sabah (UMS) di peringkat antarabangsa selepas beliau dinobatkan sebagai Pembentang Terbaik The 2nd Recent Research in Business and Technology Management International Conference (BIZTEM 2018) di Hotel Mecure Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Pada persidangan itu, beliau membentangkan kertas kerja bertajuk "Halal Cosmetic Product: Do Knowledge and Religiosity Affect Consumers' Attitude and Intention to Use?" .

Dalam persidangan antarabangsa ini, beliau telah membentangkan hasil penyelidikan yang signifikan bahawa sikap adalah peramal yang paling kuat dalam mempengaruhi niat pengguna menggunakan produk kosmetik halal, di samping aspek pengetahuan dan religiositi.

Dengan mempunyai sikap positif terhadap produk kosmetik halal, pengguna sentiasa melihat label halal ketika membeli produk kosmetik.

Penggunaan produk kosmetik halal adalah amat penting bagi pengguna, terutamanya apabila keputusan untuk menggunakannya adalah atas pilihan mereka sendiri.-**OLEH JAIN-UDIN DJIMIN**